

## **'Bebas tahanan ISA atau berdepan perhimpunan besar'**

**MalaysiaKini.com**

**14 Julai, 2012**

**Oleh Nigel Aw**

Pemuda PAS hari ini memberi kata dua kepada kerajaan persekutuan supaya membebaskan baki tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) September ini atau berdepan dengan satu lagi perhimpunan besar-besaran di Kuala Lumpur.

Ketuanya, Nasrudin Hasan berkata sempena bulan Ramadan yang mulia, mereka akan berkempen untuk pembebasan 45 baki tahanan ISA di Kamunting.

Beliau menjangka perhimpunan tersebut akan diadakan September ini jika semua usaha mereka untuk pembebasan tahanan ISA itu, tidak diendahkan.

Bercakap dalam sidang media di ibu pejabat PAS di Kuala Lumpur petang ini, Nasrudin berkata, sebagai permulaan, parti itu telah menggerakkan hampir seribu ahlinya untuk mengadakan bantahan di Kamunting esok.

Walaupun ISA telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Sosma), tetapi undang-undang baru yang diwartakan pada 22 Jun lalu, masih membenarkan penahanan berterusan tahanan ISA yang sedia ada.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/203652>